

Capai impian ke angkasa lepas guna sains

TEMA MAS 2017 yang berlandaskan “meneroka ke luar” bermaksud mengajak masyarakat dunia untuk melihat dunia angkasa lepas yang tiada sempadan. Ia boleh bermula dengan melihat di luar bumi iaitu berkenalan dengan jiran bumi seperti planet Marikh atau melihat di luar sistem suria kita menjangkau planet kerdil Pluto sehingga ke planet yang baharu ditemukan yang mengelilingi bintang lain daripada matahari yang juga dikenali sebagai *exoplanet*.

Penemuan ini sememangnya membuka satu dimensi dunia baharu untuk umat manusia keseluruhannya. Pengembaraan manusia menerusi *probe* angkasa telah sampai ke pinggir sistem suria kita. Adakah kita masih melekat di bumi?

Sekurang-kurangnya biarlah impian kita juga terlepas bebas ke angkasa lepas.

Penerokaan angkasa lepas melalui misi NASA Amerika Syarikat, *New Horizons* umpamanya mempunyai misi saintifik untuk memberi kefahaman mengenai dunia di pinggir sistem suria kita dan melaksanakan peninjauan pertama ke atas planet kerdil Pluto dan seterusnya meninjau sehingga Lingkaran Kuiper (*Kuiper Belt*) iaitu peninggalan yang merupakan penunjuk penting pembentukan awal sistem suria kita.

Selain itu, pengkajian astrobiologi yang meliputi kajian asal usul, evolusi dan kehidupan di alam semesta juga mula

menampakkan hala tuju yang jelas apabila saintis mula memahami sifat alam semesta yang menyokong kehidupan seperti pemahaman ke atas sistem pembentukan bintang dan planet.

Projek saintifik penerokaan ke angkasa lepas ini tidak akan berjaya jika tidak disokong dengan teknologi kejuruteraan yang termaju seperti yang sedang diusahakan oleh konglomerat gergasi angkasa lepas Amerika Syarikat (AS) seperti Lockheed Martin melalui projek pembinaan kapal angkasa *Orion Multi-Purpose Crew Vehicle* yang direka bentuk bagi membolehkan NASA menjayakan misi manusia pertama mendarat di planet Marikh.

Selain itu, watak yang tidak kurang penting dalam penerokaan ke angkasa ialah *Space X* iaitu inisiatif industri yang berjaya merevolusikan teknologi roket dalam usaha penerokaan manusia ke angkasa lepas. Matlamatnya adalah untuk membangunkan koloni kehidupan manusia pertama di Planet Marikh selain cita-citanya untuk menerajui penerokaan sumber asli dari asteroid dan menjana kuasa matahari di orbit Bumi.

Sehubungan itu, tema MAS pada tahun ini merupakan platform terbaik untuk membahas dan membincangkan apakah destinasi penerokaan angkasa lepas yang seterusnya.

Perbincangan ilmiah atau secara santai itu haruslah meliputi isu-isu seperti

manfaat dan cabaran untuk merealisasikan cita-cita tersebut dalam konteks negara masing-masing serta melalui kerjasama antarabangsa.

Sehubungan itu, MAS mempunyai harapan yang tinggi bagi agensi angkasa, planetarium, pusat sains, universiti, NGO dan sebagainya menyediakan platform untuk menyemarakkan perbincangan mengenai penerokaan ke angkasa lepas.

PEMBENTANG: Simposium Keusahawanan Angkasa

● DR. NOORDIN AHMAD

Ketua Pengarah
Agensi Angkasa Negara
PROF. EMIRITUS DATUK DR. MAZLAN OTHMAN
Pengarah
*International Council for Science Union (ICSU),
Regional Office for Asia & Pasifik (ROAP)*

● **PROF. MADYA DR. ABDUL RASHID MOHAMED SHARIFF**
(UPM)

● **PROF. MADYA DR. MOHD. FADZIL MOHD AKHIR** (UMT)

● **IZMIR YASMIN**
Pengaras CEO/CTO
Independence X

● **JULIANA JAN**
Ketua Pegawai Pelaburan
Cradle

● **HAZIQ FARIZ HASNL**
Pengasas/CEO REKA

● **SYED AHMAD FUQAHA**
Pengasas Katsana

● **DASH CHAKSHINAMOORTHY**
Pengasas *Startup Malaysia*

RINGKASAN AKTIVITI

Acara	Tarikh	Lokasi
Simposium Keusahawanan Angkasa 2017	5 Oktober 2017	Universiti Putra Malaysia
<p>● Simposium ini akan memfokuskan isu sekitar kemajuan teknologi angkasa dan keusahawanan dalam usaha untuk mencetus inspirasi kepada golongan siswazah dan profesional untuk menceburi dan merebut peluang dalam sektor perniagaan berteraskan angkasa di Malaysia.</p> <p>https://www.facebook.com/malaysiaspaceinitiative/</p>		
Kem Angkasa Generasi Marikh	8 Oktober 2017	Petrosains KLCC
<p>● Kem angkasa Generasi Marikh adalah program pembangunan bakat kanak-kanak yang berumur dari usia tujuh hingga 12 tahun dalam bidang penerokaan angkasa lepas. Petrosains menjadi tuan rumah untuk aktiviti ini. Sempena dengan kem ini juga, Kapten Faiz Kamaludin, empat calon terakhir semasa Program Angkasawan Negara 2007 juga akan melancarkan bukunya yang berjudul <i>Astronaut Corps of Malaysia: The Selection Process</i>. Buku ini mengimbuai kembali pengalaman sebenar beliau semasa detik-detik latihan pemilihan angkasawan tersebut.</p> <p>https://www.facebook.com/generasimarikhmalaysia/</p>		